



**TUN Juhar merasmikan Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen UMS, turut sama Mohd Harun (kanan) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Almuni) Dr. Jasim Mohd Mansur (kiri).- fotoBERNAMA**

## **UMS lahir graduan berbakat pelbagai bidang**

DE 18-10-2012 3

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus melakar pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor UMS Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata kejayaan pelajar pascasiswazah membawa tarian kreatif, komprehensif dan tradisi hingga memenangi dua pingat emas, tiga perak dan dua gangsa dalam Pertandingan World Championship of Performing Art di Hollywood, Amerika Syarikat pada Jun lepas, amat membanggakan UMS.

"Selain itu, pada Julai, 13 pelajar UMS diberi penghormatan mewakili Malaysia membuat persembahan pembukaan dan penutup sempena 'Festival Belia Antarabangsa Yeosu ke-12' yang mempersembahkan tarian tradisi Sabah dan tarian bercirikan Malaysia Truly Asia di Yeosu Korea Selatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Tamu Gadang sempena majlis Konvokesyen UMS ke-14 yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin di Dataran Dewan Canselor di sini, Rabu.

Sebanyak 100 gerai menjual pelbagai gerai jualan cenderahati dan pameran oleh jabatan persekutuan dan negeri selain persembahan artis tempatan dan hiburan berunsur ilmiah terdapat di 'tamu' atau konsep pasar terbuka selama lapan hari itu.

Dr Kasim berkata dalam bidang sukan pula, seramai tiga pelajar dipilih mewakili negara dalam kejohanan Taekwondo universiti dunia di Puchon Korea selain pasukan unit beruniform universiti dinobatkan johan perbarisan sempena Hari Jadi Juhar pada 6 Oktober lepas.

Beliau berkata pelajar yang menerima Anugerah Tokoh Sejarahwan Muda Jufazli Shi Ahmad daripada Sekolah Sains Sosial turut mendapat Anugerah Pendebat Terbaik dalam pertandingan Debat Piala Perdana Menteri pada 10 Oktober lepas.

"Terbaru, pelajar UMS dalam program Student in Free Enterprise (SIFE UMS) terpilih mewakili Malaysia ke Pertandingan World Cup di Washington D.C. setelah menjadi johan peringkat kebangsaan pada penghujung September lepas.

"Semasa di Washington D.C., SIFE UMS mendapat tempat ketiga dalam pertandingan berkumpulan sebelum layak ke pusingan suku akhir," katanya sambil menambah pertandingan bercirikan keusahawanan memberi peluang mahasiswa mendalami ilmu dalam bidang perniagaan. - Bernama